

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BT. HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KLINIK KESIHATAN PUTRAJAYA
Lokasi : KLINIK KESIHATAN PUTRAJAYA
Tarikh : 18-07-2000

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya sahaja dapat kita berkumpul dengan aman dan selesa di dalam Bangunan baru yang indah ini. Syukur alhamdulillah jua kerana Kerajaan kita mampu membina satu Klinik Kesihatan yang canggih begini rupa bagi masyarakat Putrajaya.

Semoga Allah S.W.T. memberkati usaha Kerajaan ini dan memberi taufik dan hidayah-Nya kepada semua yang bertugas di dalamnya dan pemulihan kesihatan kepada semua yang menerima rawatan daripada mereka insya-Allah.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Chua Jui Meng dan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan Klinik Kesihatan Putrajaya pada hari ini. Ini adalah kehormatan yang kedua diberi kepada saya merasmikan pembukaan Klinik- Klinik Kesihatan yang pertama di Laka Temin, Kedah hampir di sempadan Malaysia - Thailand dan hari ini, di Putrajaya ini di tengah-tengah kawasan baru yang pesat membangun.

3. Rakyat Malaysia harus berbangga di atas pencapaian negara setakat ini. Wujudnya Putrajaya yang indah ini, lengkap dengan sebuah klinik kesihatan yang begitu moden dan canggih melambangkan satu kejayaan yang mengagumkan ramai pelawat ke negara kita. Setelah 42 tahun kita merdeka, dan sebaik sahaja kita melangkah ke alaf baru, negara kita telah dapat menunjukkan kemampuan untuk merangka satu pembaharuan yang cemerlang. Antara perubahan dan kemajuan yang kita kecapai, pembaharuan dalam bidang kesihatan merupakan satu anjakan paradigma yang sangat ketara. Saya yakin bahawa Kementerian Kesihatan, di dalam merangka perubahan dan pembaharuan ini, dengan kerjasama agensi-agensi lain, dapat merealisasikan wawasan negara untuk kita setanding dengan negara maju yang lain menjelang tahun 2020.

4. Apa jua pembaharuan dan perkembangan dalam kesihatan perlu melibatkan semua peringkat dan memanfaatkan semua lapisan rakyat. Untuk ini, adalah sangat penting diberi keutamaan kepada jagaan di peringkat primer atau "primary level", seperti pembinaan klinik kesihatan yang mampu menepati kehendak rakyat yang semakin berubah. Saya masih ingat pada tahun 1978, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO, bersama UNICEF telah memperkenalkan "Primary Health Care" sebagai pendekatan untuk mencapai kesihatan untuk semua atau "health for all". Sebanyak lapan elemen kesihatan asas atau "basic health care elements" telah di kenalpasti iaitu: - kesihatan ibu dan anak termasuk perancang keluarga - imunisasi untuk kanak-kanak - makanan yang mencukupi dan seimbang - pencegahan penyakit - bekalan air selamat dan sanitasi alam sekitar - pendidikan kesihatan - rawatan asas untuk penyakit yang kerap berlaku - bekalan ubat-ubatan yang sewajarnya

5. Kita di Malaysia pada masa itu sangat berbangga kerana bukan sahaja system kesihatan kita sememangnya telah merangkumi kesemua elemen ini, kita juga mempunyai perkhidmatan kesihatan sekolah dan perkhidmatan kesihatan gigi. Bukan sahaja kita telah lama memberi perkhidmatan kesihatan komprehensif, kita juga telah memberi penekanan kepada usaha mengurangkan jurang perbezaan di antara golongan bandar dan luar bandar, kaya dan miskin, untuk menjamin kesaksamaan atau "equity", bukan sahaja daripada skop dan jenis perkhidmatan tetapi juga dari segi kualiti.

6. Salah satu daripada langkah untuk menjamin kesaksamaan ialah menjamin kualiti yang sama di antara bandar dan luar bandar. Semenjak zaman kita mula merdeka lagi, kita telah memberi lebih perhatian kepada golongan yang lebih berkeperluan, iaitu penduduk luar bandar, ibu dan wanita dalam lingkungan umur reproduktif, bayi dan kanak-kanak. Dengan itu banyak prasarana kesihatan dibina di kawasan luar bandar dan setakat ini, saya difahamkan terdapat 773 buah klinik kesihatan di seluruh negara. Kita juga mengambil maklum bahawa Kerajaan sentiasa peka kepada keperluan penduduk luar bandar dan golongan miskin dan banyak program telah diadakan untuk mereka. Kementerian Kesihatan sendiri terlibat secara langsung dalam program pemulihan rakyat termiskin khususnya dari segi pemulihan

kanak-kanak yang kurang zat makanan. Kita perlu ingat hanya dengan satu Kerajaan dan kepimpinan yang penyayang dan mementingkan rakyat sahaja maka program sebegini dapat diadakan.

7. Tetapi, kita perlu juga ingat bahawa semakin kita maju, semakin pesat proses urbanisasi. Malahan ada beberapa kawasan yang dahulunya di luar bandar sekarang sudah menjadi "urban". Dan kita juga perlu maklum bahawa golongan miskin di bandar menghadapi banyak cabaran. Dengan itu saya sangat gembira apabila difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk meningkatkan kesihatan bandar atau "urban health". Yang saya dapati paling menarik ialah konsep dan kaedah bandar sejahtera atau "healthy city project". Saya dimaklumkan bahawa Malaysia ialah antara negara di mana projek ini sangat berjaya, dan saya ucapkan syabas. Bagi sebuah pusat seperti Putrajaya ini yang satu ketika nanti akan menjadi satu bandar yang pesat membangun, kita perlu mengadakan perancangan kesihatan bandar yang menyeluruh dan berpanjangan. Dengan adanya satu klinik seperti yang kita lihat pada hari ini, insya-Allah, perkhidmatan kesihatan di Putrajaya ini akan membawa kepada tahap kesihatan yang baik bagi warga Putrajaya dan kawasan-kawasan di sekitarnya.

8. Perancangan Klinik Putrajaya ini melambangkan apa yang saya sebutkan pada permulaan tadi - iaitu konsep pembaharuan atau anjakan paradigma atau "paradigm shift" dalam kesihatan.

- Pertamanya, ianya menjadi contoh kepada pendekatan yang mengutamakan "primary care", kerana ia merupakan satu klinik di peringkat primer yang mampu memberi kesemua perkhidmatan asas dalam satu bangunan dan persekitaran yang selesa.

- Keduanya, klinik ini, bersama beberapa lagi klinik di negeri-negeri lain dibekalkan dengan seorang pakar perubatan iaitu "Family Medicine Specialist", yang juga digelar "Primary Care Physician" di negara luar, sebagai satu langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, di mana tidak semestinya kitake hospital untuk dirawat oleh pakar.

- Ketiganya, seperti banyak klinik lain juga, Klinik Putrajaya ini dirancang dan dibina supaya ianya mampu memberi perkhidmatan dalam skop yang diperluaskan, lebih daripada 8 elemen asas, seperti kesihatan remaja, kesihatan warga tua, dan kesihatan mental. Semasa perasmian Klinik Laka Temin di Kubang Pasu tidak lama dahulu, saya sangat tertarik dengan perkembangan kesihatan warga tua yang melibatkan komuniti.

- Keempat, klinik ini mempunyai satu ciri yang sangat istimewa - taman terapeutik atau "therapeutic garden", yang membawa keselesaan kepada pesakit dan mempercepatkan lagi proses rawatan mereka. Saya harap taman ini dibina juga di klinik-klinik lain di seluruh negara.

- Kelima dan yang paling ketara ialah klinik ini merupakan klinik berlandaskan IT atau teknologi maklumat. Dengan terletaknya dalam lingkungan "Multimedia Super Corridor", klinik ini berpeluang mengoptimalkan teknologi maklumat dan penggunaan alat elektronik. Malahan klinik ini akan masuk kedalam sejarah sebagai klinik kesihatan pertama yang menggunakan IT secara optimal, dengan penggunaan kertas dan kaedah konvensional ditahap paling minima; - ianya menjadi the first "paperless" clinic.

9. Kita tidak boleh mengeneppikan kepentingan IT dalam dunia yang semakin mencabar ini, dan saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana telah menunjukkan minat, komitmen, kegigihan dan keupayaan dalam melaksanakan projek "Telemedicine", yang lebih tepat lagi digelar "Telehealth" sebagai satu daripada tujuh aplikasi dalam Multimedia Super Corridor. Saya difahamkan berbagai projek dan program sedang diatur rapi di bawah telehealth ini, dan saya juga diberitahu Klinik Putrajaya banyak terlibat dalam perancangan ini. Malahan klinik ini menjadi contoh dan sedang menerima ramai pelawat.

10. Dengan adanya Klinik Kesihatan yang termoden seperti di Putrajaya ini saya berharap kita yang bertugas di dalamnya harus tahu dan cekap mengguna alat- alat yang canggih yang dibekalkan untuk memudah dan mempercepatkan pengurusan dan rawatan pesakit-pesakit yang datang. Sambil berada di dalam ambience yang elektronik, saya juga amat berharap semua lapisan anggota Perubatan dan kesihatan, dari Pakar Doktor hingga ke pembantu peringkat bawahan, tidak akan lupa "the human touch"

yang menjadi asas penting dalam rawatan seseorang manusia dan perhubungan baik dan mesra di antara perawat dan pesakit. Semoga segala usaha ini akan membawa manfaat dan kepuasan kepada pelanggan klinik ini, dan nama baik Klinik Kesihatan Putrajaya dan negara.

11. Akhir sekali, saya ingin sekali lagi mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan di atas pandangan jauh dan perancangan rapi dan teratur yang telah dapat melaksanakan perkhidmatan kesihatan di peringkat primer dengan begitu baik sekali di seluruh negara, dan khususnya di atas pembinaan Klinik Putrajaya ini yang boleh sama-sama kita banggakan. Juga, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas jemputan dan penghormatan yang diberi kepada saya untuk majlis hari ini. Dengan itu, dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya merasmikan Klinik Kesihatan Putrajaya.

12. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.